

BAB II

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN DAN KERANGKA TEORITIKAL

2.0 Pendahuluan

Sumber, rujukan dan kajian terdahulu memberikan input berguna dalam penyediaan kajian ini. Sebahagian sumber-sumber ini terdiri daripada sumber-sumber klasik seperti kitab-kitab tafsir, balaghah dan buku-buku berkaitan i‘ja:z. Di samping itu penulis merujuk kepada sumber-sumber kontemporari seperti tesis-tesis, disertasi, jurnal-jurnal penyelidikan yang dikemukakan di universiti, prosiding yang dibentangkan di seminar-seminar, buku-buku dan kajian berkenaan dengan tajuk kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Antara karya klasik berkaitan i‘ja:z al-Qur'a:n yang menjadi rujukan sarjana i‘ja:z ialah karya yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji pada abad ke-4 dan ke-5H. Sarjana-sarjana tersebut ialah al-Rumma:niyy, Abu: al-Ḥasan ‘Aliyy bin ‘Isā: (m 384H), al-Khaṭṭa:biyy (m 388H), al-Ba:qilla:niyy (m 403H) dan al-Jurja:niyy, ‘Abd al-Qa:hir (m 471H). Dalam bab ini penulis akan menghuraikan sumber-sumber terkini yang menjadi rujukan dalam kajian ini.

2.1 Karya-karya Berkaitan

Antara karya terkini yang berkaitan kajian ini ialah karya dalam bidang i‘ja:z serta ilmu ma‘a:ni: yang membincangkan aspek struktur ayat. Antara karya moden yang dikira sebagai rujukan terkini berkaitan kajian ini ialah:

(i) I‘ja:z al-Qur’ā:n al-Kari:m

Karya yang dihasilkan bersama oleh ‘Abba:s dan Sana:’ (1991) membincangkan secara menyeluruh berkaitan i‘ja:z al-Qur’ā:n. Pengarang membincangkan dua topik utama iaitu sejarah perkembangan i‘ja:z dan dimensi-dimensi i‘ja:z. Semasa membincangkan sejarah perkembangan i‘ja:z beliau membincangkan sumbangansumbangan sarjana silam dan moden dalam bidang kajian i‘ja:z al-Qur’ā:n. Seterusnya pengarang menghuraikan dimensi-dimensi i‘ja:z bermula dengan i‘ja:z baya:niyy. Kupasan meliputi persoalan-persoalan keistimewaan kosa kata al-Qur’ā:n, penggunaan huruf (kata tugas), fa:ṣilat qur’ā:niyyat, persoalan partikel imbuhan dan gaya bahasa pengulangan. Pengarang dalam karya ini ada menyentuh beberapa bentuk i‘ja:z berkaitan struktur ayat iaitu penegasan, penyebutan dan pengguguran serta pendepanan dan pengakhiran secara ringkas. Selain itu dimensi-dimensi i‘ja:z yang lain iaitu ilmiah, pensyariatan, perkhabaran ghaib, psikologi dan penggunaan angka (‘adadiyy) dibincangkan secara terperinci oleh pengarang. Kajian yang akan dijalankan oleh penulis akan mengkaji struktur ayat secara lebih mendalam dan lebih menjurus kepada aspek-aspek yang tidak disentuh dalam karya ini.

(ii) Dira:sa:t Jadi:daṭ fi: I‘ja:z al-Qur’ā:n

Al-Muṭ‘aniyy (1996) melalui Dira:sa:t Jadi:daṭ fi: I‘ja:z al-Qur’ā:n menganalisis penggunaan kata dalam al-Qur’ān yang membuka ruang baru kepada pengkajian i‘ja:z al-Qur’ā:n. Pengarang buku ini mengkaji perbezaan yang jelas berkaitan penggunaan perkataan al-Qur’ān pada perkataan yang dikatakan sebagai sinonim serta perbezaan derivasi sesuatu perkataan yang membawa kepada pengertian yang berbeza. Penulis dalam bukunya ini telah menganalisis lebih daripada 40 kelompok perkataan al-Qur’ān yang dikatakan sinonim tetapi apabila diteliti setiap perkataan yang digunakan mempunyai pengertian yang tersendiri. Kajian yang akan dijalankan oleh penulis akan memfokuskan kepada aspek yang lain iaitu struktur ayat disamping menyusun semula teori i‘ja:z al-Qur’ā:n dan khususnya i‘ja:z baya:niyy.

(iii) al-Ta‘bi:r al-Qur’ā:niyy

Karya ini merupakan salah satu daripada karya khusus dalam bidang i‘ja:z baya:niyy yang dihasilkan oleh al-Sa:marra:iyy (1998). Karya ini membincangkan beberapa aspek dalam ilmu ma‘a:ni: iaitu pendepanan dan pengakhiran, penyebutan dan pengguguran, kesamaan dan perbezaan. Pengarang juga membincangkan topik konteks ayat dan menganalisis gaya bahasa kisah Adam dan Musa (a.s) dalam al-Qur’ān. Penulisan diakhiri dengan aplikasi balaghah dalam surah al-Ti:n. Karya ini menyentuh aspek yang lain dalam struktur ayat dan tidak memfokuskan pada surah Maryam. Kajian ini juga tidak menghuraikan teori i‘ja:z al-Qur’ā:n.

(iv) *Bala:ghat al-Kalimat fi: al-Ta‘bi:r al-Qur’ā:n*

Karya ini dihasilkan oleh al-Samarra:iyy (2000). Ia membincangkan beberapa bentuk i‘ja:z baya:niyy dalam perkataan al-Qur’ān iaitu penyebutan dan pengguguran huruf dalam perkataan al-Qur’ān, penggunaan kata kerja pasif, penggunaan kata nama tunggal,duaan dan jamak serta perkataan yang disebut tidak mengikut tatabahasa Arab. Karya ini merupakan karya yang mengaplikasikan teori i‘ja:z baya:niyy berkaitan pemilihan perkataan al-Qur’ān secara terperinci. Fokus perbincangan dalam karya ini berbeza dengan kajian yang dijalankan kerana kajian yang dijalankan oleh penulis lebih menjurus kepada struktur ayat dan akan memfokuskan pada surah Maryam.

(v) *I‘ja:z al-Qur’ā:n al-Baya:niyy wa Dala:il Maṣdarih al-Rabba:niyy*

Karya yang dihasilkan oleh al-Kha:lidiyy (2001) membincangkan secara terperinci berkaitan i‘ja:z al-Qur’ā:n. Pengarang telah menjelaskan bentuk-bentuk i‘ja:z baya:niyy sama ada dalam bentuk kata tugas, perkataan, ayat sehinggalah kepada konstruksi. Al-Kha:lidiyy dalam karya ini menolak dimensi-dimensi selain bahasa sebagai i‘ja:z al-Qur’ā:n dan menamakannya sebagai bukti-bukti kebenaran al-Qur’ān daripada Allah (s.w.t). Pengarang memulakan penulisannya dengan pengenalan i‘ja:z al-Qur’ā:n daripada segi konsep, tafsiran ayat-ayat cabaran dan sejarah perkembangan kajian i‘ja:z al-Qur’ā:n. Topik utama karya ini ialah i‘ja:z baya:niyy di samping mengupas dimensi-dimensi lain. Dimensi-dimensi lain ialah perkhabaran ghaib, fakta-fakta ilmiah, pensyariatan dan pengaruh al-Qur’ān terhadap jiwa. Aspek i:ja:z dan iṭna:b tidak disentuh oleh pengarang dalam karya ini namun pengarang ada menyentuh berhubung gaya bahasa ta‘ri:f dan tanki:r serta penegasan tetapi secara ringkas. Kajian

yang akan dijalankan akan membincangkan aspek ini secara terperinci di samping memfokuskan kepada aspek struktur ayat dalam surah Maryam.

(vi) Khaṣa:ış al-Tara:ki:b Dira:sat Taḥliliyat li Masa'il 'Ilm al-Ma'a:ni:

Karya yang dihasilkan oleh Abu Mu:sa: (2006) membincangkan 'ilmu ma'a:ni: dalam lima bab iaitu faṣa:ḥat dan balaghah, gaya bahasa khabariyy, pesandar, penyandar dan elemen-elemen berkaitan kata kerja (muta'aliqa:t fī'l). Kupasan berkaitan struktur ayat adalah berkaitan gaya penegasan dalam bab dua, gaya bahasa ta'ri:f, penyebutan dan pengguguran dalam bab tiga dan empat serta pendepanan dalam bab dua hingga lima. Karya ini turut menyentuh beberapa aspek lain dalam ilmu ma'a:ni: iaitu iltifa:t¹, pola-pola kata kerja yang bertentangan dengan ketentuan zahir, laras jawapan bijaksana (uslu:b al-Haki:m).² Karya ini tidak membincangkan beberapa aspek dalam ilmu ma'a:ni: seperti i:ja:z dan iṭna:b, qaṣr³ serta faṣl dan waṣl⁴. Karya ini banyak membawa contoh-contoh daripada al-Qur'an. Kupasan berhubung gaya bahasa penegasan dan gaya bahasa ta'ri:f adalah umum berbanding kajian yang akan dijalankan lebih berfokus kepada surah Maryam dan mengaitkan balaghah struktur ayat dengan i'ja:z baya:niyy.

(vii) al-I'ja:z al-Qur'a:niyy fi: 'Ilm al-Ma'a:ni:

Karya ini dihasilkan oleh Za:yid Fahd Kha:lil (2007). Pengarang membincangkan i'ja:z al-Qur'a:n dalam ilmu ma'a:ni: dan teori konstruksi. Penulisan ini merupakan susunan semula teori i'ja:z baya:niyy berdasarkan beberapa karya seperti al-

¹ Iltifa:t bermaksud gaya bahasa yang berubah-rubah di antara diri pertama, kedua atau ketiga.

² Laras bahasa bijaksana bermaksud gaya bahasa yang diterima oleh pendengar atau penanya tentang sesuatu yang tidak diduga atau tidak diminta bagi menunjukkan bahawa itulah sepatutnya diterima.

³ Qaṣr bermaksud proses mengkhususkan sesuatu pada sesuatu yang lain dengan cara-cara tertentu.

⁴ Faṣl bermaksud proses memisahkan satu ayat daripada ayat yang lain kerana sebab tertentu, waṣl pula bermaksud proses menghubungkan satu ayat dengan ayat yang lain dengan menggunakan partikel waw kerana sebab tertentu.

Bala:ghat Funu:nuha: wa Afna:nuha: ‘Ilm al-ma:a:ni: oleh ‘Abba:s (2009) dan al-Samarra:iyy dalam al-Ta‘bi:r al-Qura:’niyy (1998). Pengarang memulakan penulisannya dengan mengupas teori konstruksi dan hubungannya dengan ilmu ma:a:ni:. Pengarang menghuraikan secara terperinci topik-topik dalam ilmu ma:a:ni: seperti pendepan dan pengakhiran, penyebutan dan pengguguran, penegasan, kesamaan dan perbezaan, ta‘ri:f dan tanki:r serta ayat insya:iyy. Penulisan diakhiri dengan aplikasi ilmu ma:a:ni: dalam surah al-‘Alaq.

(viii) Maba:ḥith fi: al-Bala:ghat wa I‘ja:z al-Qur'a:n al-Kari:m

Karya yang disusun oleh Zanji:r, Muḥammad Rif'a:t Ahmad (2007) membincangkan perkembangan kajian balaghah dan i‘ja:z al-Qur'a:n bermula dari zaman awal sehingga ke zaman moden. Tulisan ini dimulakan dengan huraian konsep mukjizat, hubungan i‘ja:z al-Qur'a:n dengan ilmu balaghah dan ilmu tafsir. Pengarang memulakan penulisannya dengan membincangkan perkembangan balaghah sebelum zaman pembukuan meliputi zaman jahiliyah, zaman awal Islam, zaman Umayyah dan Abbasiyyah. Pengarang kemudiannya menghuraikan peringkat pembukuan, pengasasan dan kematangan kajian balaghah dan i‘ja:z al-Qur'a:n yang bermula pada kurun ke-3H sehingga kurun ke-6H. Pada peringkat ini pengarang membincangkan sumbangan tokoh-tokoh seperti al-Ja:ḥiz, al-Ba:qilla:niyy, al-Jurja:niyy, al-Zamakhsyariyy di samping sumbangan tokoh-tokoh lain. Seterusnya penulis menghurai peringkat kebekuan meliputi tokoh-tokoh al-Saka:kiyy, al-Qazwi:niyy, al-Suyu:ṭiyy, al-Ra:ziyy, Ibn Abu: al-İṣba‘, ‘Izz al-Di:n bin ‘Abd al-Sala:m, al-Qurṭubiyy, al-Bayḍa:wiyy, al-‘Alawiyy dan al-Zarkasyiyy. Karya diakhiri dengan kupasan berkaitan kajian balaghah dan i‘ja:z pada zaman moden. Pengarang menumpukan perbincangan dengan meninjau sumbangan al-Ra:fi:iyy, Ibn ‘A:syu:r, Sayyid Quṭb di samping usaha tokoh-

tokoh lain. Karya ini merupakan karya yang sistematik dan terkini dalam meninjau perkembangan kajian balaghah dan i‘ja:z dan secara khususnya i‘ja:z baya:niyy. Karya ini lebih berfokus kepada aspek perkembangan i‘ja:z baya:niyy tanpa menyentuh dimensi-dimensi i‘ja:z al-Qur'a:n yang lain. Aspek aplikasi i‘ja:z baya:niyy tidak dihuraikan dalam karya ini.

(ix) al-Ma‘a:ni: ‘Ala: Ḥaw’i Asa:li:b al-Qur’a:n

La:syi:n melalui al-Ma‘a:ni: ‘Ala: Ḥaw’i Asa:lib al-Qur’a:n (2009), membincangkan ilmu ma‘a:ni: dalam al-Qur’ān. Tulisan ini dimulakan dengan pendahuluan kajian balaghah meliputi sejarah perkembangan balaghah. Penulisan dimulakan dengan menyatakan peranan sarjana-sarjana dalam pembentukan ilmu balaghah seperti Ibn al-Muqaffa‘, Basysya:r bin Burd, Sibawayh, Abu: ‘Ubaydat, al-Farra:, al-Ja:hiz, Ibn Qutaybat, al-Mubarrad, Ibn al-Mu’taz, Quda:maṭ bin Ja‘far, Abu: Hila:l al-‘Askariyy, ‘Abd al-Jabba:r, al-Jurja:niyy, al-Zamakhsyariyy, al-Ra:ziyy, al-Saka:kiyy, al-Qazwi:niyy, Ibn al-Athi:r, Ibn Abu: al-İşba‘ dan al-‘Alawiyy. Penulis juga membincangkan secara terperinci aspek-aspek dalam ilmu ma‘a:ni: bermula dengan gaya bahasa khabariyy dan insya:iyy diikuti balaghah struktur ayat meliputi topik-topik penyebutan dan pengguguran, pendepanan, ta‘ ri:f dan tanki:r, qaṣr, faṣl dan waṣl serta i:ja:z, iṭna:b dan musa:wat. Pengarang membawa contoh-contoh yang umum daripada al-Qur’ān sedangkan kajian yang dijalankan akan meneliti beberapa aspek struktur ayat dalam surah Maryam.

(x) al-Bala:ghat Funu:nuha: wa Afna:nuha: ‘Ilm al-Ma‘a:ni:

‘Abba:s (2009) dalam karya ini mengupas persoalan ilmu ma‘a:ni:. Karya ini telah diulang cetak sebanyak 12 kali. Pengarang memulakan penulisannya dengan pengenalan berhubung faṣaḥat, balaghah, uslub dan sejarah ringkas kajian balaghah. Perbincangan ilmu ma‘a:ni: dimulakan dengan pengenalan ringkas berkaitan ilmu ma‘a:ni: diikuti kupasan sembilan topik utama dalam ilmu ma‘a:ni: iaitu gaya bahasa khabariyy, gaya bahasa insya:iyy, pendepanan dan pengakhiran, menyebutan dan pengguguran, ta‘ri:f dan tanki:r, limitasi ayat (taqyi:d al-jumlat), qaṣr, faṣl dan waṣl serta i‘ja:z, itna:b dan musa:wat. Karya ini membincangkan topik-topik berkaitan struktur ayat secara umum dengan membawa contoh-contoh dari al-Qur'an, hadith dan syair. Kajian yang dijalankan akan menghuraikan tiga aspek struktur ayat secara lebih mendalam dan meneliti struktur ayat sebagai salah satu elemen dalam i‘ja:z baya:niyy.

2.2 Tesis-tesis

Tesis-tesis berkaitan kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

- (a) Analisis pandangan sarjana berhubung balaghah dan i‘ja:z al-Qur'a:n.

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh penulis, pelbagai kajian telah dijalankan berhubung pandangan-pandangan sarjana berhubung balaghah dan i‘ja:z al-Qur'a:n. Antara kajian tersebut ialah:

(i) Bala:ghat al-Qur'a:n fi: A:tha:r al-Qa:di: 'Abd al-Jabba:r wa Atharuh fi: al-Dira:sat al-Bala:ghiyyat

Antara tesis kedoktoran yang menganalisis pandangan sarjana berhubung balaghah al-Qur'a:n ialah Bala:ghat al-Qur'a:n fi: A:tha:r al-Qa:di: 'Abd al-Jabba:r wa Atharuh fi: al-Dira:sat al-Bala:ghiyyat (1973) oleh La:syi:n yang dikemukakan di Universiti Al-Azhar. Kajian ini telah dicetak oleh penulis pada tahun 1978. Kajian menganalisis sumbangan 'Abd al-Jabba:r (m 415 H) dalam bidang balaghah al-Qur'an serta pengaruh beliau terhadap tokoh-tokoh selepasnya. Pengkaji memulakan kajiannya dengan pendahuluan perkembangan balaghah sebelum zaman 'Abd al-Jabba:r diikuti huraian riwayat hidup beliau. Kajian ini berfokus kepada perbincangan tiga cabang ilmu balaghah iaitu ilmu ma'a:ni:, ilmu baya:n dan ilmu badi:' oleh 'Abd al-Jabba:r. Pengkaji juga menghuraikan dalam satu bab yang khusus berkaitan isu i'ja:z al-Qur'a:n menurut 'Abd al-Jabba:r meliputi perkembangan i'ja:z sebelum zaman 'Abd al-Jabba:r serta pandangan 'Abd al-Jabba:r berhubung i'ja:z. Kajian juga menghuraikan pengaruh Madrasah 'Abd al-Jabba:r dalam balaghah terhadap tokoh-tokoh selepasnya iaitu al-Jurja:niyy, al-Syarif al-Riда: (m 406H), al-Syarif al-Murtada, al-Zamakhsyariyy dan al-Ra:ziyy.

(ii) al-Bala:ghat fi: al-Tafsi:r al-Qur'a:niyy al-Andalusiyiyy fi: al-Qarnayn al-Sa:bi' wa al-Tha:min

Kajian ini dihasilkan oleh 'Aliyy, As'ad Ahmad (1999). Ia merupakan tesis kedoktoran yang dikemukakan di Universiti Damsyik. Pengarang dalam hasil tangannya menganalisis persoalan balaghah dalam tiga kitab tafsir iaitu al-Ja:mi' Li Ahka:m al-Qur'a:n oleh al-Qurṭubiy (m 671H), al-Tashi:l Li: 'Ulu:m al-Tanzi:l hasil tangan Ibn

Jazziyy (m 741H) dan Baḥr al-Muhiṭ karya Abu Ḥayya:n (m 745H). Pengkaji dalam tesis ini menganalisis perbincangan tiga tokoh ini berkaitan ilmu baya:n, ma'a:ni: dan badi:‘. Kajian dimulakan dengan menghuraikan sejarah perkembangan kajian balaghah di Andalus dan meninjau pengaruh al-Zamakhsyariyy terhadap tiga karya tafsir yang dikaji. Pengkaji seterusnya menghuraikan sumbangan ketiga-tiga tokoh dalam ilmu baya:n meliputi topik-topik tasybi:h, maja:z dan kiasan (kina:yat). Dalam ilmu ma'a:ni: pengkaji memfokuskan kajiannya kepada tiga aspek iaitu gaya bahasa khabariyy dan insya:iyy, pendepanan dan pengakhiran serta faṣl dan waṣl. Dalam ketiga-tiga aspek ini pengkaji menganalisis fungsi-fungsi balaghah yang dibincangkan dalam ketiga-tiga tafsir di samping membuat perbandingan dengan pandangan sarjana-sarjana balaghah yang lain seperti al-Saka:kiyy, al-Qazwi:niyy dan Sa‘d al-Tafta:zaniyy. Kajian diakhiri dengan menganalisis persoalan ilmu badi:‘ di sisi ketiga-tiga ahli tafsir.

(iii) al-Ittija:h al-Baya:niyy fi: Tafsi:r al-Qurṭubiyy al-Ja:mi‘ Li Aḥka:m al-Qur'a:n.

Muhammad Riḍā: Ḥassan (2001) melalui tesis M.A berjudul al-Ittija:h al-Baya:niyy fi: Tafsi:r al-Qurṭubiyy al-Ja:mi‘ Li Aḥka:m al-Qur'a:n menganalisis aspek balaghah dalam tafsir al-Qurṭubiyy. Ia dikemukakan di Fakulti Syariah, University of Jordan. Kajian dimulakan dengan menghuraikan kepentingan ilmu balaghah dalam kajian al-Qur'an, aliran-aliran pemikiran balaghah pada kurun ke-7H, sumber-sumber dan istilah balaghah di sisi al-Qurṭubiyy serta pandangan beliau berhubung i:jāz al-Qur'a:n. Kajian ini menganalisis nilai akademik bagi persoalan-soalan balaghah yang diaplikasikan dalam tafsir al-Qurṭubiyy meliputi ilmu ma'a:ni:, baya:n dan badi:‘. Pengkaji membawa contoh-contoh yang disebut dalam tafsir al-Qurṭubiyy yang merupakan aplikasi kepada ilmu balaghah. Analisis ilmu ma'a:ni: meliputi topik gaya

bahasa ta'rif dan tanki:r, pendepanan dan pengakhiran, pengguguran, gaya bahasa perintah, gaya bahasa soalan , iltifa:t, penggunaan kata nama zahir di tempat kata ganti nama serta i:ja:z dan i:tna:b. Analisis ilmu baya:n pula merangkumi topik hakikat dan maja:z⁵, tasybih, isti'ara:t dan kiasan. Pengkaji juga mendapati aspek ilmu badi:' kurang dibincangkan oleh al-Qurṭubiyy. Aspek-aspek seperti pemilihan kosa kata, kepelbagaiian pola kata kerja dan maṣdar, gaya bahasa pengulangan dalam tafsir al-Qurṭubiyy turut dianalisis oleh pengkaji.

(iv) Konsep I'ja:z al-Qur'a:n Menurut al-Khaṭṭa:biyy

Kajian Haziyah Hussin (2001) berjudul Konsep I'ja:z al-Qur'a:n Menurut al-Khaṭṭa:biyy menterjemah, mengkritik dan menganalisis karya al-Khaṭṭa:biyy. Kajian dimulakan dengan mengupas sejarah perkembangan i'ja:z al-Qur'a:n secara ringkas diikuti pengenalan riwayat hidup al-Khaṭṭa:biyy. Kajian ini menganalisis pandangan al-Khaṭṭa:biyy terhadap i'ja:z al-Qur'a:n meliputi elemen-elemen pemilihan kata, perkataan sinonim, fungsi partikel, i:ja:z, pengulangan, nilai balaghah dan kesan luhur al-Qur'an. Kajian ini lebih tertumpu kepada pandangan al-Khaṭṭa:biyy berhubung i'ja:z.

(v) Die litwrarische Koraninterpretation: Eini Analyse Ihrer Fruhen Elemente und Ihrer Entwicklug (Akar Sejarah Metode Sastera Dalam Tradisi Islam)

M. Nur Kholis Setiawan pula menulis Die litwrarische Koraninterpretation: Eini Analyse Ihrer Fruhen Elemente und Ihrer Entwicklug (Akar Sejarah Metode Sastera Dalam Tradisi Islam) merupakan disertasi Ph.D dalam bahasa Jerman yang diajukan

⁵ Hakikat bermaksud perkataan yang menunjukkan makna asalnya manakala maja:z bermaksud perkataan atau ungkapan yang digunakan bukan mengikut pengertian asalnya dalam komunikasi tetapi mengikut kewajarannya.

pengkaji di Universiti Bonn, Jerman pada tahun 2003. Tesis ini telah diterbitkan oleh pengkaji dengan judul Al-Qur'an Kitab Sastra Terbesar (2005). Pengkaji dalam disertasi ini menganalisis karya-karya awal seperti Maja:z al-Qur'a:n oleh Abu: 'Ubaydat Ma'mar bin al-Muthanna:, Ma'a:ni: al-Qur'a:n oleh al-Farra:', Asra:r al-Bala:ghat dan Dala:il al-I'ja:z karya al-Jurja:niyy. Kajian menganalisis beberapa aspek balaghah meliputi isti'a:rat, tasybi:h dan kiasan yang merupakan sebahagian daripada elemen i'ja:z baya:niyy. Penulis juga menganalisis teori nażm (konstruksi) yang disempurnakan oleh al-Jurja:niyy. Keistimewaan kajian ini ialah penulis menggabungkan antara sumber silam, kontemporari dan pandangan orientalis khususnya yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan Jerman.

Kajian-kajian yang disebut sebelum ini adalah tertumpu kepada pemikiran tokoh-tokoh tertentu dan sumbangan mereka dalam bidang kajian i'ja:z al-Qur'a:n serta sejarah perkembangan balaghah dan hubungannya dengan i'ja:z al-Qur'a:n. Kajian-kajian ini kurang menekankan aspek aplikasi balaghah al-Qur'an. Aplikasi tersebut ditulis secara tidak tersusun dan lebih tertumpu kepada pandangan sarjana tersebut berhubung balaghah dan i'ja:z al-Qur'a:n. Kajian-kajian ini banyak membantu penulis dalam menganalisis perkembangan kajian i'ja:z al-Qur'a:n.

Kajian yang akan dijalankan oleh penulis berbeza daripada kajian-kajian yang disebut dari segi fokus kajian. Kajian yang dijalankan oleh penulis lebih tertumpu kepada struktur ayat sebagai salah satu elemen i'ja:z baya:niyy dan aplikasinya dalam surah Maryam di samping menyusun kembali teori i'ja:z al-Qur'a:n yang telah ditulis oleh sarjana-sarjana yang terdahulu.

(b) Kajian I‘ja:z Baya:niyy

Antara kajian ilmiah yang dikemukakan di peringkat sarjana dan kedoktoran yang mengkaji i‘ja:z baya:niyy atau elemen-elemen i‘ja:z baya:niyy secara khusus ialah:

(i) Khaṣa:iṣ al-Ta‘bi:r fi: al-Qur'a:n al-Kari:m wa Sima:tuh al-Bala:ghiyat

Al-Muṭ‘a:niyy (1974) dalam tesis kedoktorannya berjudul *Khaṣa:iṣ al-Ta‘bi:r fi: al-Qur'a:n al-Kari:m wa Sima:tuh al-Bala:ghiyat*⁶ membincangkan i‘ja:z al-Qur'a:n daripada aspek konstruksi (nazm). Kajian ini dimulakan dengan perbincangan dimensi-dimensi i‘ja:z al-Qur'a:n secara ringkas dan perbincangan khusus berkaitan i‘ja:z baya:niyy meliputi aspek keistimewaan perkataan al-Qur'an serta beberapa aspek dalam ilmu ma‘a:ni:, ba:ya:n dan badi:‘. Kajian berhubung dimensi i‘ja:z baya:niyy dimulakan dengan meneliti keistimewaan aspek lafaz dan makna di dalam al-Qur'an diikuti kupasan topik-topik terpilih dalam ilmu ma‘a:ni:, baya:n dan badi:‘. Antara topik yang dianalisis dalam bidang ilmu ma‘a:ni: ialah pengguguran dan pendepanan. Semasa membincangkan topik pengguguran pengkaji mengurai syarat-syarat pengguguran, empat bentuk pengguguran di dalam al-Qur'an iaitu pengguguran huruf, perkataan, ayat dan perenggan. Pada setiap bentuk pengguguran pengkaji cuba menghuraikan fungsi balaghah di sebalik pengguguran. Semasa membincangkan topik pendepanan beliau menghuraikan metodologi sarjana balaghah dalam mengupas topik ini diikuti kupasan fungsi balaghah di sebalik pendepanan di dalam al-Qur'an. Dalam ilmu baya:n pula pengkaji memfokuskan kepada dua aspek iaitu tasybi:h dan maja:z dalam al-Qur'an. Dalam ilmu badi:‘ pula pengkaji menganalisis kedua-dua aspek penghias makna dan

⁶ Kajian ini dikemukakan kepada Universiti al-Azhar dan telah dicetak oleh penulis pada tahun 1992.

penghias lafaz⁷ dengan memfokuskan kedua-dua aspek ini dalam surah al-Baqara. Kajian yang dijalankan penulis akan menganalisis aspek lain dalam ilmu ma‘āni dan memfokuskan pada surah Maryam.

(ii) Sirr al-I‘ja:z fi: Tanawwu‘ al-Şiya:gh al-Musytaqqat Min Aşl Lughawiyy Wa:hid fi: al-Qur'a:n

‘U:daṭ Alla:h Mani’ al-Qaysiyy (1988) melalui Sirr al-I‘ja:z fi: Tanawwu‘ al-Şiya:gh al-Musytaqqat Min Aşl Lughawiyy Wa:hid fi: al-Qur'a:n. Kajian ini merupakan tesis Ph.D yang dikemukakan oleh pengkaji di University of Jordan pada tahun 1988 dan telah dicetak oleh pengkaji. Kajian merupakan satu bentuk analisis i‘ja:z baya:niyy dalam pemilihan kata. Kajian dimulakan dengan pengenalan ringkas i‘ja:z baya:niyy diikuti analisis tiga aspek berkaitan kepelbagaian kata terbitan yang kembali kepada asal bahasa yang sama (Tanawwu‘ al-Şiya:gh al-Musytaqqat Min Aşl Lughawiyy Wa:hid). Aspek pertama meliputi kepelbagaian kata kerja seperti perbezaan penggunaan antara kata kerja أَخْدَدْتُ dan أَخْدَدْتَ (mengambil) serta اسْتَأْخِرْ و تَأْخِرْ (lewat) di dalam al-Qur'an. Aspek kedua yang dikaji ialah kepelbagaian kata terbitan yang kembali kepada asal bahasa yang sama seperti أَتَمْ و أَتَيْمَ (berdosa). Aspek ketiga yang dikaji ialah kepelbagaian maṣdar (kata dasar) yang kembali kepada asal bahasa yang sama seperti perbezaan antara penggunaan الْأَمْنَةُ و الْأَمْنَةُ (keamanan).

Kajian yang akan dijalankan oleh penulis akan meninjau aspek yang lain dalam i‘ja:z baya:niyy.

⁷ Penghias makna bermaksud agenda yang berfungsi memindahkan makna seperti muqa:balaṭ dan lain-lain manakala penghias lafaz bermaksud agen yang berfungsi untuk mengindahkan ungkapan seperti jina:s dan lain-lain.

(iii) Pengguguran Kata Dan Ayat : Satu Analisis Kemukjizatan al-Qur'an

Kajian oleh Mohd Fahmi Abdul Khir (2001) pula menyentuh tentang ḥadhf iaitu pengguguran meliputi pengguran kata dan ayat dalam al-Qur'an. Kajian dimulakan dengan menghuraikan secara ringkas berhubung perkembangan i‘jaz: al-Qur'a:n dan dimensi-dimensi i‘ja:z. Kajian juga menghuraikan secara ringkas bentuk-bentuk i‘ ja:z baya:niyy dan berfokus kepada aspek pengguguran kata dan ayat. Dalam kajian ini pengkaji telah menganalisis 45 ayat yang berkaitan pengguguran kata dan ayat yang terdapat dalam al-Qur'an. Analisis yang dijalankan oleh Mohd Fahmi adalah umum meliputi keseluruhan al-Qur'an sedangkan kajian yang akan dijalankan penulis berfokus kepada surah Maryam serta dalam aspek yang berbeza.

(iv) I‘ja:z al-Naẓm al-Qur'a:niyy fi: A:ya:t al-Tasyri:‘ iyy al-Naẓariyat wa al-Taṭbi:q

Kajian ini merupakan tesis sarjana University of Jordan oleh Fir'aun, Rawdat ‘Abd al-Kari:m (2002). Kajian ini membincangkan i‘ja:z al-Qur'a:n daripada aspek konstruksi dan analisis ditumpukan pada ayat-ayat pensyariatan. Kajian terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama menghuraikan teori i‘ja:z al-Qur'a:n dari sudut konsep, dimensi-dimensi i‘ja:z, konsep i‘ja:z baya:niyy, konsep konstruksi dari segi kemunculan dan perkembangan, hubungan konstruksi dengan disiplin ilmu tatabahasa, ilmu ma‘a:ni:, ilmu baya:n, ilmu badi:‘, kepentingan konstruksi dan konstruksi al-Qur'an dalam ayat-ayat pensyariatan dan pengaruhnya terhadap jiwa manusia. Bahagian kedua kajian merupakan aplikasi kepada teori i‘ja:z pada konstruksi al-Qur'a:n meliputi ayat-ayat ibadat, kekeluargaan dan adab-adab kemasyarakatan.

Kajian yang dijalankan oleh penulis akan menganalisis i‘ja:z baya:niyy dari aspek yang lain dan fokus dalam surah Maryam.

(c) Kajian Struktur Ayat

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh penulis, terdapat banyak kajian yang menganalisis struktur ayat tetapi kajian-kajian tersebut tertumpu kepada aspek nahu. Kajian-kajian tersebut ialah:

(i) Bina:’ al-Jumlat al-Fi‘liyyat fi: Juz’ ‘Amma:

Tesis ini dihasilkan oleh al-Muqbil, Muhammed (2000), tesis sarjana Universiti Yarmouk, Jordan dan membincangkan struktur ayat kata kerja dalam juzuk ‘Amma: berupa kata kerja kala lampau dan kala kini. Antara struktur ayat yang dikaji ialah kata kerja+pelaku, kata kerja+pelaku+objek, kata kerja+objek+pelaku, kata kerja+objek 1+objek 2, pengguguran kata kerja+pelaku, pengguguran objek. Kajian juga menganalisis struktur ayat kata kerja pasif seperti kata kerja+ pelaku ganti, kata kerja+pelaku ganti+objek 2. Kajian ini lebih berfokus kepada aspek tatabahasa dan membincangkan perselisihan para sarjana berhubung fleksi satu-satu perkataan. Sekalipun terdapat aspek balaghah yang dianalisis oleh pengkaji, namun analisis fungsi balaghahnya adalah ringkas.

(ii) al-Jumlat al-Ikhba:riyyat fi: al-Juz’ al-Tha:min Wa al-‘Isyri:n Min al-Qur’a:n al-Kari:m Dira:sat Tarkibiyyat Dila:liyyat

Tesis sarjana Universiti Yarmouk, Jordan yang ditulis oleh Badra:n, Jama:lat (2003) membincangkan struktur ayat dari aspek tatabahasa dan balaghah. Kajian ini

cuba melihat perkaitan ilmu nahu dengan semantik serta ilmu ma'a:ni:. Kajian dimulakan dengan menganalisis ayat berita ibtida:iyy dalam juzuk ke-28. Pengkaji dalam bab ini menganalisis struktur ayat kata kerja (jumlat ismiyyat) dan struktur ayat kata nama. Dalam bab kedua mengkaji ayat berita ṭalabiyy yang terdiri daripada 105 ayat dalam juzuk ke-28. Pengkaji dalam bab ini menganalisis kekerapan ayat kata kerja kala lampau yang ditegaskan dengan partikel قد، ayat kata kerja kala kini yang ditegaskan dengan partikel لَنِ، السِّينِ، لَنْ، ayat kata nama yang ditegaskan dengan partikel إِنْ، partikel imbuhan (huruf za:idat). Seterusnya pengkaji menganalisis ayat berita inka:riyy dalam bab tiga. Penulis mendapati pengkaji lebih memfokuskan aspek tatabahasa manakala huraian aspek semantik dan ilmu ma'a:ni: adalah ringkas tanpa memfokuskan balaghah struktur ayat seperti persoalan-persoalan pendepan dan pengakhiran serta penyebutan dan pengguguran.

(iii) Bina:’ al-Jumlat al-Fi‘liyyat fi: Su:ratay al-Anbiya:’ wa al-Hajj

Kajian ini merupakan tesis sarjana University of Jordan oleh al-‘Atibiyy, Fahd (2006). Pengkaji dalam tesis ini melaksanakan analisis perbandingan antara gaya bahasa surah al-Anbiya:’ yang merupakan surah Makkiyah dan surah al-Hajj yang merupakan surah Madaniyah. Kajian dimulakan dengan menghuraikan konsep ayat dan kategori ayat. Kajian ini meneliti tiga bentuk ayat dalam kedua-dua surah meliputi struktur ayat yang mengikut susunan normal, pendepan dan pengakhiran serta pengguguran. Dalam ketiga-tiga bentuk ayat ini pengkaji menghuraikan aspek nahu sahaja tanpa menghuraikan fungsi balaghah dalam perubahan struktur ayat seperti pendepan dan pengguguran. Kajian ini menganalisis struktur ayat dari aspek nahu seperti kekerapan ayat yang datang dalam bentuk kata kerja+pelaku, partikel nafi+kata kerja+pelaku, kata kerja+ jarr majru:r+ pelaku dan seterusnya. Kajian perbandingan

pula meneliti perbezaan antara kedua-dua surah dari lima aspek iaitu laras bahasa perintah, larangan, soalan, seruan dan qaṣr. Walaupun kelima-lima aspek ini merupakan aspek dalam ilmu ma’āni: tetapi huraianya sangat ringkas. Contohnya semasa menganalisis laras bahasa perintah, pengkaji menyebut tempat-tempat penyebutan laras bahasa ini dalam kedua-dua surah dan menghuraikan fungsi laras bahasa perintah secara umum. Kajian yang dijalankan oleh penulis berbeza dari segi aspek struktur ayat yang dikaji serta surah yang dianalisis.

(d)Kajian Surah Maryam

Selain itu terdapat juga penulis-penulis yang mengkaji tentang surah Maryam iaitu:

(i)Su:rat Maryam, Dira:sat Lughawiyyat

Kajian ini merupakan tesis sarjana di Universiti Umm al-Qura, Makkah oleh Na:ṣir, Sayyid Ibra:him Sayyid (1989). Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menganalisis surah Maryam dari aspek nahu dan morfologi. Kajian dimulakan dengan perbincangan ringkas berkaitan tafsiran huruf muqāṭṭaṭ di awal surah Maryam dari segi fleksi dan semantik. Dalam bahagian morfologi pengkaji menganalisis kekerapan penggunaan kata kerja dalam surah Maryam dari aspek kata kerja dasar (mujarrad) dan kata kerja imbuhan (mazi:d), kata kerja tak transitif, kata kerja transitif, kata kerja sahih, kata kerja mu’tal.⁸ Pengkaji juga mengkaji kata nama dalam surah Maryam dari aspek-aspek seperti kata nama jati, kata nama terbitan, kata nama pelaku, kata nama penderita, pola mubalaghah, isim alat⁹ dan isim tafḍī:l¹⁰. Kajian menganalisis kekerapan penggunaan kata ganti nama, kata nama mawṣū:l, kata nama petunjuk, kata keterangan,

⁸ Kata kerja mu’tal ialah kata kerja yang huruf asalnya mengandungi huruf vokal.

⁹ Isim alat ialah pola kata yang menunjukkan alat.

¹⁰ Isim tafḍī:l bermaksud kata nama yang digunakan untuk membandingkan dua perkara yang bersangkutan dan salah satunya lebih daripada yang satu lagi dengan menggunakan pola أ فعل

kata nama duaan dan jamak, kata nama maskulin dan feminin. Kajian juga menganalisis struktur ayat dari segi penggunaan partikel, kategori ayat, ayat penyata, ayat tanya dan ayat syarat. Kajian turut menganalisis subjek, predikat, pelaku, maf'u:lat, ha:l¹¹, tamyi:z¹² dan iða:fat dalam surah Maryam. Kajian yang akan dijalankan oleh penulis berbeza dengan kajian ini dari fokus kajian. Penulis lebih menumpukan kajian ini kepada aspek i‘ja:z baya:niyy dalam struktur ayat dan penumpuan kepada surah Maryam.

(ii) al-Jumlat al-Khaba:riyyat wa al-Jumlat al-Talabiyyat Tarki:ba: wa Dala:lat Dira:sat Taþbi:qiyyat fi: su:rat Maryam.

Kajian ini merupakan tesis kedoktoran yang dikemukakan oleh ‘Aliyy, Hafiza:t Arsa:lan Rasyi:d (2003) di University Yarmouk, Jordan. Kajian meninjau bentuk-bentuk ayat dari aspek tatabahasa dan semantik. Kajian ini dimulakan dengan menghuraikan konsep ayat menurut pandangan sarjana tatabahasa, balaghah, usul fiqh dan ahli falsafah, ayat ismiyyat dan kategorinya serta perbezaan antara ayat khabariyy dengan insya:’iyy¹³ dan pengaruhnya dalam ilmu semantik. Kajian berfokus kepada dua bentuk ayat iaitu ayat khabariyyat dan ayat talabiyy. Kajian ayat khabariyyat bermula dengan ayat ismiyyat dan fungsinya. Pengkaji menghuraikan fungsi bentuk-bentuk struktur ayat ismiyyat meliputi ayat ismiyyat yang predikatnya tunggal, subjek ma‘rifat dan predikat ayat fi‘liyyat, predikat separa ayat serta ayat ismiyyat yang didahului oleh partikel nawa:sikh. Pengkaji membincangkan fungsi struktur ayat fi‘liyyat meliputi kata kerja kala lampau aktif melibatkan kata kerja tak transitif dan kata

¹¹ Ha:l merupakan kata nama akusatif yang menerangkan bagaimana keadaan pelaku atau objek.

Contohnya مَنْ يَرْجُو مِنَ الْمَدْرَسَةَ نَجْاحًا: Pelajar pergi ke sekolah dalam **keadaan gembira**.

¹² Tamyi:z merupakan kata nama akusatif yang datang untuk menerangkan sesuatu yang samar dan memerlukan jawapan.

¹³ Ayat khabariyy bermaksud ayat yang boleh dianggap benar atau tidak manakala ayat insya:iyy bermaksud ayat yang tidak boleh dianggap benar atau bohong.

kerja tak transitif, kata kerja kala lampau pasif, kata kerja kala lampau yang ditegaskan, ayat kata kerja kala kini aktif yang tak transitif dan transitif, kata kerja kala kini pasif, kata kerja kala kini yang akusatif, kata kerja kala kini yang jazam dan kata kerja kala kini yang ditegaskan. Dalam bahagian ayat ṭalabiyyat pengkaji menghuraikan pola-pola ayat dan fungsinya meliputi ayat tanya, ayat perintah, ayat larangan, ayat seruan dan ayat angan-angan. Kajian ini lebih tertumpu kepada struktur ayat dari aspek tatabahasa dan turut membincangkan semantik perubahan struktur ayat tetapi perbincangannya adalah ringkas dan pengkaji tidak mengaitkan fungsi-fungsi perubahan struktur ayat dengan i‘ja:z al-Qur’ā:n. Walaupun aspek yang dikaji adalah berbeza, kajian dijangka banyak membantu penulis dalam kajian ini kerana bidang semantik berkait rapat dengan bidang balaghah.

2.3 Jurnal, Majalah Dan Prosiding

Kajian-kajian ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal dan majalah turut memberi saham kepada kajian ini.¹⁴

Antara majalah khusus yang membincangkan tentang i‘ja:z al-Qur’ā:n ialah Majallat A:ya:t, Majallat al-I‘ja:z al-‘Ilmiyy yang diterbitkan oleh Pertubuhan Antarabangsa i‘ja:z ilmiah di dalam al-Qur’ā:n dan hadith.

‘Abba:s (m 2011) antara tokoh semasa yang banyak mengkaji i‘ja:z al-Qur’ā:n. Antara kajian beliau yang diterbitkan dalam jurnal ialah:

¹⁴ Berdasarkan indeks pengajian al-Qur’ān yang berjudul Kassya:f al-Dira:sa:t al-Qur’aniyyat yang sediakan ‘Abdulla:h al-Jayyu:si:, pensyarah bahagian Usuluddin di Universiti Yarmouk, Jordan, terdapat 375 makalah yang ditulis berhubung i‘ja:z al-Qur’ā:n yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal ilmiah dan majalah-majalah sehingga tahun 2002. Sebahagian makalah ini adalah hasil tangan sarjana Islam semasa yang pakar dalam bidang i‘ja:z.

(i) al-Qira:a:t al-Qur'a:ni:yyat min al-Wujhat al-Bala:ghi:yyat (1987)

Melalui kajian ini, ‘Abba:s mengemukakan satu bentuk baru dalam kajian i‘ja:z al-Qur'a:n iaitu hubungan antara Qira’at dengan i‘ja:z al-Qur'a:n. Melalui kajian ini pengkaji menghuraikan aspek kepelbagaian Qira’at meliputi perbezaan huruf seperti antara مالك dengan مالك dalam ayat 4 Surah al-Fa:tiha:, perbezaan pendepanan dan pengakhiran (taqdi:m dan ta’khi:r) seperti وَقُتِلُوا وَقَاتَلُوا dalam ayat 195 surah A:l ‘Imra:n, dan perbezaan titik seperti perkataan يَعْبُدُونَ وَعَبَدُوْنَ. Antara dapatan kajian ini ialah rahsia berhubung beberapa perkataan yang dibaca dengan beberapa bentuk Qira:a:t sedangkan di tempat yang lain perkataan yang sama hanya dibaca dengan satu Qira:a:t sahaja.

(ii) Qađiyyat al-Tikra:r fi: Kita:billa:h (1987)

‘Abba:s dalam kajian ini mengupas satu aspek dalam i‘ja:z baya:niyy iaitu gaya pengulangan (uslub tikra:r) dalam al-Qur'a:n. Kajian ini membincangkan pandangan sarjana tentang gaya pengulangan diikuti perbincangan gaya pengulangan dalam tiga kategori iaitu ayat-ayat berhubung akidah, pengulangan dalam kisah al-Qur'an dan pengulangan perkataan.

(iii) Baya:n I‘ja:z al-Qur'a:n Li al-Khaṭṭa:biyy Tahli:l wa Muqa:ranat wa Naqd (1987)

Melalui kajian ini, ‘Abba:s menganalisis pandangan al-Khaṭṭa:biyy dalam hasil tangannya Baya:n I‘ja:z al-Qur'a:n. Selain menganalisis pandangan al-Khaṭṭa:biyy, pengkaji turut membidas pandangan sebahagian penulis moden yang membincangkan pemikiran al-Khaṭṭa:biyy seperti Shawqiyy Dayf dan Hafniyy, Muḥammad Syaraf. Kajian juga membandingkan pemikiran al-Khaṭṭa:biyy dengan penulis-penulis yang

datang selepasnya seperti al-Rumma:niyy, al-Ba:qilla:niyy,: ‘Abd al-Jabba:r dan al-Jurja:niyy. Beliau juga meneliti pengaruh al-Khaṭṭa:biyy terhadap penulis-penulis moden seperti al-Ra:fī‘iy, Darra:z, Sayyid Quṭb dan Bint Sya:ti:’.

(iv) Risa:lat al-Rumma:niyy: al-Nukat fi: I‘ja:z al-Qur'a:n Tahli:l wa Naqd (1989)

Dalam kajian ini, ‘Abba:s menganalisis pemikiran al-Rumma:niyy berhubung tujuh dimensi i‘ja:z al-Qur'a:n iaitu tidak berlaku penentangan, cabaran kepada semua, şarfat, balaghah, perkhabaran yang benar tentang peristiwa akan datang, menyalahi adat kebiasaan dan kiasannya kepada semua bentuk mukjizat. Kajian juga menganalisis ulasan panjang al-Rumma:niyy membuat tentang balaghah yang meliputi sepuluh topik balaghah. Kajian meneliti pandangan sarjana-sarjana silam dan moden berhubung karya ini iaitu al-Baqilla:niyy, Ibn Sina:n al-Khafa:jiyy, al-Ra:ziyy dan Muhammad Bara:ka:t.

(v) Dira:sat I‘ja:z al-Qur'a:n li al-Ba:qilla:niyy Tahli:l wa Naqd (1989).

‘Abba:s dalam kajian ini menganalisis kitab karangan al-Ba:qilla:niyy meliputi I‘ja:z al-Qur'a:n dari perspektif ulama kalam, balaghah dan perbandingan al-Qur'an dengan prosa dan syair Arab. Analisis balaghah meliputi aspek perkataan, ayat, surah. Bahagian kedua kajian meneliti kritikan-kritikan yang ditujukan kepada al-Baqilla:niyy oleh sarjana-sarjana lain iaitu al-Ra:fī‘iy, Ahmad Dayf, Mahmu:d Syakir, Syawqi: Dayf, Na‘i:m al-Himsiyy, Muni:r Sulṭa:n, Raja:’ ‘ I:d, ‘ Abd al-Rau:f Makhluf dan Bint al-Sya:ti:’.

Selain kajian-kajian yang telah disebut terdapat juga beberapa kajian lain seperti:

(vi) I‘ja:z al-Qur'a:n: Satu Pendekatan dalam menghayati al-Qur'an (2010)

I‘ja:z al-Qur'a:n: Satu Pendekatan dalam menghayati al-Qur'an oleh Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi (2010) menjelaskan sudut i‘ja:z al-Qur'a:n seperti

bahasa, pengetahuan, pensyariatan dan sains secara ringkas.

(vii) Keindahan Bahasa Al-Qur'an: Satu Mu'jizat (2011)

Mohd Zain bin Haji Mohmood dalam kajian yang dibentangkan dalam The Annual International Qur'anic Conference 2011, Universiti Malaya, Kuala Lumpur menghuraikan beberapa aspek i'ja:z baya:niyy iaitu daripada sudut nazm, gaya bahasa pengulangan (tikra:r) menambahkan lagi keindahan bahasa Arab, kefasihan bahasa al-Qur'an sama dari segi mutu kefasihanya, ringkas dan penyebutan dan pengguguran huruf-huruf tertentu dalam al-Qur'an, keindahan susunan kalimah-kalimah dan pola kata dalam al-Qur'an dan ketepatan penggunaan perkataan-perkataan al-Qur'an dengan fakta-fakta saintifik.

Berasaskan tinjauan berkaitan dapat dirumuskan bahawa masih terdapat beberapa aspek yang belum dikaji. Kajian ini perlu bagi menampung kekurangan daripada segi aplikasi balaghah kepada ilmu ma'a:ni:. Kajian-kajian yang lepas lebih tertumpu kepada teori dan agak kurang dari segi huraian fungsi balaghah. Pengkaji-pengkaji yang lepas yang menganalisis struktur ayat lebih menumpukan kepada aspek tatabahasa dan belum ada yang menganalisis secara terperinci berhubung struktur ayat dari aspek balaghah. Di atas asas ini, penulis memilih untuk menjalankan kajian ini.

2.4 Kerangka Teoritikal Kajian

Kajian mengenai struktur ayat dan i‘ja:z al-Qur’ān oleh pengkaji mempunyai asas yang kuat berdasarkan teori konstruksi (nazm) al-Qur’ā:n yang dikemukakan oleh al-Jurja:niyy (m 474H), ‘Abba:s (1991) dan Za:yid (2007) serta teori i‘ja:z baya:niyy oleh al-Kha:lidiyy (2001) dan teori analisis wacana (*discourse analysis*).

Teori nazm telah disebut oleh sarjana-sarjana i‘ja:z yang awal iaitu al-Khaṭṭa:biyy, al-Ba:qilla:niyy dan ‘Abd al-Jabba:r. Namun begitu teori ini belum sempurna. Teori ini dibincangkan secara sistematik oleh al-Jurja:niyy menyebabkan sarjana-sarjana yang datang kemudian merujuk dan memuji teori nazm yang disusun semula oleh al-Jurja:niyy.

Teori konstruksi dinukilkkan Al-Jurja:niyy dalam karyanya Dala:il al-I‘ja:z. Al-Jurja:niyy menolak sepenuhnya pendapat yang mengatakan i‘ja:z al-Qur’ā:n terletak pada kata-katanya yang terpilih kerana kata-kata itu tidak membawa sesuatu perubahan makna sejak zaman sebelum al-Qur’ān diturunkan. Kata-kata itu adalah tetap dengan maknanya yang asal hingga sekarang.¹⁵ I‘ja:z juga tidak terletak pada rentak bunyi bacaan atau pada tanda-tanda barisnya seperti atas dan bawah kerana ciri-ciri ini banyak didapati dalam qasidah yang biasa. Menurut al-Jurja:niyy lagi, sesetengah orang mungkin menyangka bahawa rentak bunyi atau wazan adalah asas kepada balaghah, lantaran itu ada yang meniru wazan seperti Musailamah.¹⁶

¹⁵ al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 386.

¹⁶ al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 387.

Al-Jurja:niyy juga menolak i‘ja:z yang berpunca dari pemisahan antara ayat yang teratur pada penghujung setengah ibarat kerana bentuk rima (qa:fiyat) bukanlah sesuatu yang rumit bagi penyair-penyair Arab.¹⁷ Selain itu, beliau juga tidak menerima pandangan yang meletakkan i‘ja:z al-Qur'a:n itu pada isti‘a:rat₁₈, maja:z, kiasan (kina:yat₁₉) dan seumpamanya yang bertaburan di sana sini dalam al-Qur'an. Sekiranya pendapat tersebut diterima bererti i‘ja:z itu hanya terletak pada beberapa potong ayat sahaja. Namun ini tidak bermakna al-Jurja:niyy mengatakan maja:z dan kina:yat₁₉ itu tidak termasuk dalam i‘ja:z kerana ia juga adalah sebahagian dari susunan gaya bahasa yang baik.¹⁸

I‘ja:z yang sebenarnya pada pandangan al-Jurja:niyy terletak pada nazm. Menurut al-Jurja:niyy, nazm didefinisikan sebagai sebagai perkaitan antara perkataan-perkataan dalam satu ayat. Setiap perkataan tersebut berfungsi dengan wujudnya perkataan yang lain. Beliau juga berpendapat bahawa amat penting disatukan makna-makna perkataan di dalam satu ayat, menguatkan ikatan antara satu ayat dengan yang lain dan menjadikan sesuatu ayat itu dijiwai sebagai satu makna.¹⁹


Teori nazm telah diaplikasikan oleh al-Zamakhsyariyy dalam al-Kasysya:f dan penulis mendapati teori ini masih lagi bercampur dengan elemen-elemen lain dalam disiplin ilmu tafsir, justeru pandangan al-Zamakhsyariyy dalam al-Kasysya:f menjadi rujukan dalam kajian ini. Teori nazm juga diaplikasikan oleh al-Alu:siyy dalam tafsirnya Ru:h al-Ma:a:ni: dan Ibn 'A:syu:r dalam tafsirnya Taḥri:r al-Tanwi:r. Teori nazm al-Qur'a:n dikupas oleh sarjana-sarjana moden secara lebih terperinci dengan beberapa pembaharuan seperti yang dilakukan oleh al-Ra:fi'iyy (m 1356H), al-

¹⁷ al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 387.

¹⁸ al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 393.

¹⁹ al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 15, 77.


Muṭ'aniyy (1974), 'Abba:s (m 2011) dan Za:yid (2007). Teori nazm telah dimodifikasi oleh 'Abba:s (m 2011). Teori nazm al-Qur'a:n oleh beliau diilustrasikan seperti gambarajah berikut:



Rajah 2.1: Teori Nazm al-Qur'a:n oleh 'Abba:s (1991)

Berdasarkan rajah 2.1 'Abba:s menghuraikan elemen-elemen nazm bermula dengan elemen bahasa yang paling kecil dalam bahasa Arab iaitu huruf diikuti perkataan dan ayat. Beberapa topik lain berkaitan nazm turut dibincangkan iaitu fa:şilat yang melibatkan rima akhir bagi sesuatu ayat al-Qur'an, gaya bahasa pengulangan dan isu huruf imbuhan.

Teori yang hampir sama dikembangkan oleh Za:yid (2007). Teori nazm al-Qur'a:n oleh Za:yid dapat digambarkan dalam rajah di bawah:




Rajah 2.2 Teori Nazm al-Qur'a:n dan Ilmu Ma'a:ni: oleh Za:yid 2007

Rajah 2.2 menunjukkan beberapa modifikasi dilakukan oleh Zayd dalam teori nazm al-Qur'a:n. Beliau menambah beberapa persoalan tambahan dalam ilmu ma'ani: seperti persamaan dan perbezaan, ta'ri:f dan tanki:r, faşl dan waşl, i:ja:z dan itña:b, struktur perkataan dan insya:'.

Teori kedua yang menjadi sandaran dalam kajian ini ialah teori i'ja:z al-Qur'a:n yang diasaskan oleh al-Wa:sitiyy (m 306H). Teori ini dikembangkan oleh sarjana-sarjana seperti al-Rumma:niyy (m 384H), al-Khaṭṭa:biyy (m 388H), al-Ba:qilla:niyy (m 403H), 'Abd al-Jabba:r (m 415H) dan 'Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy (m 471H). Sepanjang tempoh ini teori i'ja:z yang dikupas adalah tertumpu kepada aspek balaghah.

Pada abad ke-19 dan ke-20, teori i'ja:z al-Qur'a:n berkembang mengikut peredaran semasa dan meliputi pelbagai dimensi. Sarjana-sarjana i'ja:z moden membincangkan teori i'ja:z al-Qur'an secara ilmiah. Secara umumnya terdapat tiga bentuk teori yang ditulis oleh sarjana moden berhubung i'ja:z iaitu teori umum i'ja:z al-Qur'an, teori i'ja:z ilmiah dan teori i'ja:z baya:niyy.

Sarjana yang membincangkan i‘ja:z secara umum membahagikan i‘ja:z kepada beberapa dimensi. Darra:z (m 1377H) membahagikan i‘ja:z al-Qur'a:n kepada tiga dimensi iaitu aspek bahasa, ilmiah dan pensyariatan. Dimensi ini dikembangkan oleh sarjana-sarjana yang menulis tentang i‘ja:z al-Qur'a:n. Sebagai contoh, ‘Abba:s (m 2011) membahagikan dimensi i‘ja:z kepada lima iaitu i‘ja:z baya:niyy, i‘ja:z ilmiah, i‘ja:z pensyariatan, i‘ja:z perkhabaran ghaib dan i‘ja:z dari aspek psikologi. Berdasarkan teori-teori yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana moden, dimensi i‘ja:z dapat dilakarkan oleh penulis dalam ilustrasi di bawah:



Rajah 2.3 menunjukkan dimensi ija:z al-Qur'a:n yang diadaptasi oleh penulis dari teori umum i‘ja:z al-Qur'a:n.

Teori kedua yang menarik perhatian sarjana-sarjana moden ialah teori i‘ja:z ilmiah. Teori ini dipelopori oleh sarjana-sarjana seperti oleh ‘Abdulla:h Fikriyy, ‘Aliyy Fikriyy, Jawhariyy, al-Ṭanṭawiyy²⁰, Nawfal ‘Abd Razza:q dan Muḥammad Jama:l al-Di:n al-Fandiyy.²¹ Teori i‘ja:z ilmiah membincangkan fakta-fakta ilmiah yang terdapat di dalam al-Qur'an yang terbukti kebenarannya melalui kajian-kajian ilmiah yang dijalankan oleh generasi terkemudian. Fakta-fakta ilmiah yang disebut dalam al-Qur'an itu tidak mampu dicapai oleh manusia pada zaman turunnya al-Qur'an.²²

²⁰ al-Ḥimṣiyy (1980), *op.cit.*, hal. 219-304

²¹ al-Kha:lidiyy (1992), *op.cit.*, hal. 21.

²² al-Najja:r (2006), *op.cit.*, hal. 75, al-Kha:lidiyy (2001), hal. 262.

Teori ketiga ialah i‘ja:z baya:niyy yang dibincangkan secara khusus oleh sarjana moden seperti al-Ra:fī‘iyy (m 1356H), Darra:z (m 1377H), al-Bayyu:miyy (m 2010), Bint al-Sya:ti’(1971), Sayyid Quṭb (m 1386H), La:syin (1978), al-Muṭ‘aniyy (1992), al-Sa:marra:iyy (1998), al-Kha:lidiyy (2001), Muḥammad Abu: Mu:sa: (2004) dan Mu:sa: (2006).

Sarjana-sarjana moden mengupas teori i‘ja:z baya:niyy dengan analisis terperinci elemen-elemen yang terdapat dalam i‘ja:z baya:niyy sama ada dengan mengambil elemen-elemen tertentu dalam ilmu balaghah seperti yang dilakukan oleh Bint al-Sya:ti:’ (1971) yang membincangkan elemen huruf pada pembukaan surah dan perkataan; atau membincangkan elemen-elemen i‘ja:z baya:niyy berdasarkan ketiga-tiga cabang ilmu balaghah iaitu baya:n, ma‘ a:ni: dan badi:‘ seperti yang dilakukan oleh La:syi:n (1978) dan al-Muṭ‘aniyy (1992).

Oleh kerana teori i‘ja:z baya:niyy terlalu banyak, penulis memilih teori al-Kha:lidiyy (2001) berhubung i‘ja:z baya:niyy sebagai asas dalam pembentukan kerangka konseptual. Teori al-Kha:lidiyy dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2.1 Menunjukkan teori i‘ja:z baya:niyy oleh al-Kha:liyy (2001)

Elemen-elemen i‘ja:z baya:niyy	Terjemahan
إعْكَازُ الْبَيَانِيِّ وَفَوَاتِحُ السُّورِ الْتَّضْمِينُ فِي الْبَيَانِ الْقُرْآنِيِّ دِهْرُوفُ الْمَعَانِي وَعَدَمُ الزِّيَادَةِ فِيهَا وَازْنُ حَدَّيقٌ بَيْنَ ذِكْرِ الْحُرْفِ وَحَذْفِهِ الْمُرُوقُ بَيْنَ الْفَاظِ مُتَقَارِبَةٍ وَعَدَمُ الْمُرَادِفِ التَّشَابُهُ وَالاخْتِلَافُ فِي الْبَيَانِ الْقُرْآنِيِّ الْتَّعْرِيفُ وَالْتَّنْكِيرُ حُرْفُ بَعْضِ الْفَاظِ الْقُرْآنِ بَيْنَ الذِكْرِ وَالْحَذْفِ الْحُكْمُ وَالذِكْرُ لِبَعْضِ كَلِمَةِ الآيَةِ الْتَّقْدِيمُ وَالْتَّاخِيْرُ الْفَاظُ الْقُرْآنِ بَيْنَ التَّوْكِيدِ وَعَدَمِهِ تَكْسُوُعُ صِيغِ الْأَفْعَالِ الْمُشَتَّتَاتِ وَالْمُشْتَقَاتِ الْمَصَادِرِ مِنْ أَصْلٍ وَلِغَيْ وَاحِدٍ الْكُرَارُ فَوَاصِلُ الْآيَةِ الْتَّنَاسُقُ الْعَدَدِيِّ الْتَّصْوِيرُ الْفَنِيُّ	I‘ja:z baya:niyy dan pembukaan surah Tadmi:n dalam baya:n Qur'a:niyy Kehalusan kata tugas dan tiada huruf imbuhan Keseimbangan antara penyebutan huruf dan penggugurnya Perbezaan antara perkataan yang hampir sama dan tiada perkataan sinonim Persamaan dan perbezaan dalam baya:n Qur'a:niyy Penggunaan gaya bahasa ta‘ri:f dan tanki:r Penyebutan dan pengguguran huruf abjad dalam perkataan al-Qur'a:n Pengguguran dan penyebutan beberapa perkataan dalam ayat Pendepanan dan pengakhiran Perkataan al-Qur'an antara penegasan dan tanpa penegasan Kepelbagaiannya (bentuk) kata kerja terbitan/kata terbitan/masdhar yang berasal dari satu bahasa Pengulangan Rima akhir ayat al-Qur'a:n Keseimbangan penggunaan nombor Seni penggambaran artistik

Berhubung teori i‘ja:z al-Qur’ā:n penulis tidak bertemu dengan teori khusus berhubung i‘ja:z al-Qur’ā:n yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat. Pandangan sarjana-sarjana Barat berhubung teori i‘ja:z al-Qur’ā:n adalah umum semasa mereka membincangkan disiplin ilmu pengantar al-Qur’ān (‘ulu:m al-Qur’ān), bahkan mereka sendiri tidak sepakat dalam menerima teori ini. Sarjana-sarjana seperti George Sale, Gothe, Arberry dan Kritzeck menerima teori i‘ja:z al-Qur’ā:n manakala sarjana-sarjana seperti Rodinson, Draycott G.M. dan Doze menolak i‘ja:z al-Qur’ān.²³

Menurut Kritzeck J. Ed dalam karyanya ‘Anthology of Islamic Literature’ (1964) kehebatan bahasa al-Qur’ān boleh menyebabkan orang mengeluarkan air mata dan ghairah. Al-Qur’ān kaya dengan irama syair yang sangat halus, kosa kata yang luas, maja:z dan isti‘a:rat²⁴. Kenyataan ini jelas sekali menunjukkan Kritzeck J. Ed mengiktiraf i‘ja:z al-Qur’ān bukan sahaja daripada demensi baya:niyy tetapi daripada dimensi psikologi dan keberkesanan kepada jiwa.

Wansbrough.J. (1977) dalam karyanya ‘Qur’ānic Studies: Sources and Methods of Scriptural Interpretation’ pula menolak i‘ja:z al-Qur’ān dengan menyatakan bahawa bahasa al-Qur’ān secara mekanikalnya berulang-ulang, rangkaian perbendaharaan kata yang terhad, dipenuhi dengan sintaksis yang janggal, pleonasma dan keindahan retorik yang tidak dapat dipertahankan dalam banyak bahagian serta elipsis di samping perkataan yang tidak betul susunannya.²⁵

²³ Haziyah (2002), *op.cit.*, hal. 20-22, ‘Afa:f dan Bawhara:at (2006), *op.cit.*, hal. 88.

²⁴ Mohammad Khalifa (1983), *op.cit.*, hal. 18, Haziyah (2002), *op.cit.*, hal. 22.

²⁵ Mohammad Khalifa (1983), *op.cit.*, hal. 20, Haziyah (2002), *op.cit.*, hal. 20.

Selain teori nazm dan teori i‘jaःz al-Qur’ān, teori analisis wacana yang diasaskan oleh sarjana barat berkait rapat dengan teori nazm dalam balaghah bahasa Arab. Antara aspek persamaan antara teori nazm dan analisis wacana ialah kedua-duanya membincangkan unit bahasa yang mengatasi ayat. Perbezaan antara kedua-dua teori ini ialah daripada aspek teks yang dianalisis. Teori nazm kebiasaannya digunakan oleh sarjana balaghah dalam menganalisis teks al-Qur’ān yang dipercayai oleh sarjana-sarjana tersebut sebagai bahasa tuhan (kalamullah) manakala teori analisis wacana pula tertumpu kepada bahasa pertuturan dan teks-teks tertulis yang digunakan oleh manusia.

Hubungan yang signifikan antara nazm sebagai satu teori dalam ilmu balaghah dengan teori bahasa analisis wacana disokong dengan teori kompetensi bahasa oleh Lyle Bachman (1990) yang mengkategorikan Rhetorical Organization (balaghah) sebagai kompetensi wacana dalam kompetensi organisasi (*Organizational Competence*).²⁶

Analisis yang dijalankan oleh sarjana balaghah melalui teori nazm bukanlah analisis yang bias dengan pegangan agama yang dipegang oleh mereka; sebaliknya berasaskan kepada analisis perbandingan antara bahasa al-Qur’ān dengan bahasa-bahasa yang digunakan oleh pada zaman penurunan al-Qur’ān berupa syair dan prosa.

Menurut al-Sa:marra:iyy seorang sarjana balaghah moden, beliau pada awalnya meragui pandangan-pandangan sarjana berhubung i‘jaःz baya:niyy semasa membaca analisa-analisa mereka berkaitan hubungan antara satu ayat dengan satu ayat, hubungan antara pembukaan surah dan penutup surah; pemilihan kosa kata tertentu berbanding perkataan sinonimnya. Beliau mendapati analisa-analisa tersebut tidak signifikan dan


²⁶ Abdul Rahman Abdullah (2009), *op.cit.*, hal. 69.

terpengaruh dengan kepercayaan yang dianut oleh sarjana-sarjana tersebut. al-Sa:marra:iyy kemudiannya mengubah pendiriannya setelah meneliti dan menganalisa dapatan sarjana dalam karya-karya bahasa, tafsir, i‘ja:z dan balaghah. Beliau mendapati hasil-hasil tulisan sarjana tersebut adalah berasaskan kajian ilmiah yang signifikan.²⁷

2.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang dibina dalam kajian ini cuba melihat perkaitan antara struktur ayat al-Qur'an berdasarkan beberapa teori dan pandangan sarjana balaghah dengan i‘ja:z al-Qur'a:n. Teori nażm al-Qur'an oleh al-Jurja:niyy (m 471H), 'Abba:s (1991) dan Za:yid (2007) serta teori i‘ja:z bayā:niyy oleh al-Kha:lidiyy (2001) menjadi teori utama yang digunakan. Teori-teori ini digunakan untuk membincangkan beberapa aspek ilmu ma'ani: yang berkaitan dengan struktur ayat. Ketiga-tiga teori ini dibuat perbandingan dengan beberapa teori i‘ja:z al-Qur'a:n yang dikemukakan oleh beberapa sarjana balaghah dan sarjana tafsir. Perbandingan juga turut dilakukan menggunakan teori moden iaitu analisis wacana.

²⁷ al-Sa:marra:iyy (1998), *op.cit.* hal. 5.



Rajah 2.4: Kerangka Konseptual Kajian

2.6 Penutup

Bab ini membincangkan tentang sumber-sumber yang berkaitan kajian. Berasaskan kepada tulisan-tulisan dan kajian-kajian yang disebut, terdapat ruang untuk penulis membuat kajian tentang struktur ayat al-Qur'an sebagai satu aspek dalam i'ja:z al-Qur'a:n tanpa menafikan kajian-kajian yang terdahulu memberi saham kepada penulis dalam membuat analisis. Bab ini diakhiri dengan kerangka teoritikal dan kerangka konseptual yang akan menjadi landasan penulis dalam melaksanakan kajian ini.